

30/04/1997

Pelabur dinasihati kembali semula ke pasaran

PRESIDEN Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) Datuk Salleh Majid, berkata sudah tiba masanya pelabur institusi memasuki semula pasaran saham bagi mengembalikan kestabilan harga yang kini melalui pusingan kejatuhan.

Katanya, walaupun harga saham sekarang agak rendah, sukar bagi pelabur runcit untuk kembali aktif kerana kebanyakan mereka mungkin sedang 'terlekat' dengan saham yang dibeli ketika harga tinggi.

"Saya faham ramai yang sudah terlekat dengan itu mereka tidak dapat memasuki pasaran, tetapi kalau tiada siapa masuk ke dalam pasaran, ia (harga saham) tidak akan naik," katanya selepas menghadiri perasmian Kongres Kebangsaan Mengenai Wawasan 2020 di Bandar Sunway, di Petaling Jaya, oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Salleh berkata, langkah Bank Negara memperketatkan pinjaman untuk membeli hartanah dan saham tidak sepatutnya terus menghantui pelabur kerana penjelasan dan jaminan yang secukupnya sudah diberikan oleh pihak berkuasa.

Katanya, apa yang perlu dilakukan bagi menstabilkan semula harga saham di BSKL ialah penglibatan pelabur institusi kerana hanya mereka dengan dana yang lebih besar, mampu kembali ke pasaran.

Salleh berkata sukar bagi sesiapa untuk menentukan berapa lama lagi keadaan sekarang berlarutan tetapi berkata: "Kita mengharapkan keadaan akan pulih kerana kita mempunyai asas ekonomi yang kuat".

Beliau menegaskan bahawa "apa yang berlaku ini adalah reaksi yang mungkin berlebihan". - Bernama

(END)